

10 JUL 1999

CHINA-PERISIAN

CHINA BERMINAT KONGSI TEKNOLOGI PERISIAN PENDIDIKAN DENGAN M'SIA

CYBERJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Pengembangan perisian pendidikan boleh menjadi salah satu bidang kerjasama dalam Koridor Raya Multimedia (MSC), antara Malaysia dan Universiti Peking, kata seorang pegawai universiti tersebut hari ini.

Profesor Wang Xuan, pengarah di Universiti Peking, menyarankan supaya universiti tersebut dan Universiti Multimedia Malaysia (MMU) melaksanakan projek perkongsian teknologi bagi membawa teknologi pengembangan perisian universiti itu ke mari.

"Kerjasama ini boleh menjadi satu platform kemudian nanti bagi syarikat-syarikat dan guru-guru sekolah rendah dan menengah di negara ini memajukan perisian pendidikan multimedia atau tajuk-tajuk pendidikan dalam bahasa Melayu serta dalam bahasa Inggeris, berdasarkan alat pembangunan pelbagai bahasa kami (Universiti Peking), katanya.

Prof Xuan, seorang anggota Panel Penasihat Antarabangsa MSC (IAP), berkata demikian kepada pemberita selepas pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari terakhir mesyuarat IAP yang berlangsung selama tiga hari di sini.

Perisian pendidikan ini telah terbukti berdaya maju dari segi komersil selepas diadakan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan selama tujuh tahun, katanya.

Kini, ia diterima ramai di pasaran-pasaran utama seperti Amerika Syarikat, Kanada, Jepun dan Singapura, serta di China sendiri, tambah beliau.

"Jika kita (Universiti Peking dan MMU) ingin memajukannya (perisian) bersama, ia boleh dimajukan melalui syarikat kita sendiri yang ditubuhkan di sini dengan nama PUC Founder (MSC) Sdn Bhd," tegasnya.

PUC Founder adalah sebuah syarikat MSC yang mendapat taraf MSC dalam tahun 1997. Ia adalah anak syarikat Founder (Hong Kong) LTD, sebuah pemaju kandungan perisian antarabangsa terkemuka, yang seterusnya pula merupakan anak syarikat Universiti Peking.

PUC Founder, yang terbabit dalam pengedaran produk perisian di Malaysia, buat masa ini mempunyai ibu pejabat di Taman Teknologi dekat sini.

Pengarah urusan PUC Founder Teh Hon Seng berkata syarikat itu sudah ada rancangan untuk menubuhkan sebuah syarikat penyelidikan sendiri, kemungkinan besar di Taman Teknologi, menjelang akhir tahun ini bagi memudahkan peluasan perniagaan kepada pengeluaran dan R&D di sini.

"Kami kini hampir menyiapkan rancangan kajian itu, dan jika beres dan jika berdaya maju dari segi ekonomi, kami seharusnya mula mengenal pasti sebidang tanah (di Taman Teknologi) bagi memulakan pembinaan (bangunan pusat penyelidikan) menjelang September," katanya.

Menurut Prof Xuan, masih banyak perkara yang boleh pelajari oleh China dari Malaysia dalam pembangunan teknologi maklumat.

"Oleh kerana kedua-dua Malaysia dan China merupakan negara-negara membangun, China berminat untuk mengetahui bagaimana Malaysia memajukan teknik ITnya sendiri serta cara-cara untuk melindungi harta inteleknya," katanya.

-- BERNAMA

TM KY MA